

Versi Bahasa Malaysia

Re: Maklumat Peribadi – Notis dan Keizinan

Kepada Pelanggan Yang Dihargai,

1. RAM Holding Berhad, RAM Rating Services Berhad, RAM Sustainability Sdn Bhd dan RAM Solutions Sdn Bhd (bersama-sama dirujuk sebagai "RAM") amat peka terhadap pentingnya mengikuti perkembangan serta perubahan dalam perundangan dan peraturan yang berkaitan.
2. Selaras dengan **Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**, RAM ingin memaklumkan anda tentang maklumat serta butiran peribadi yang kami proses dan kaedah atau cara pemprosesan yang digunapakai. Sila ambil perhatian bahawa RAM memproses maklumat peribadi anda seperti butiran nombor-nombor telefon, latarbelakang serta butiran lain berkenaan lengangan/penyertaan/kontrak yang anda mungkin telah berikan melalui perhubungan dengan bahagian penarafan kredit, latihan, perhubungan koporat, kewangan dan pentadbiran, pembangunan bisnes dan/atau penerbitan. Kami juga mungkin telah mendapat atau mengumpul maklumat peribadi anda daripada penyertaan anda dalam acara anjuran serta perkhidmatan yang disediakan oleh RAM.
3. Sila ambil maklum bahawa maklumat peribadi anda seperti nama, gelaran, jawatan, majikan, alamat dan nombor telefon serta faksimili diproses oleh RAM untuk tujuan-tujuan yang berikut ("**Tujuan**"):
 - a. menyediakan produk dan/atau perkhidmatan RAM yang anda telah langgani serta pemberitahuan tentang perubahan atau perkembangan penting pada ciri-ciri produk dan/atau perkhidmatan;
 - b. mengemaskini dan menguruskan ketepatan rekod RAM;
 - c. membuat penilaian dan analisis termasuk analisis pasaran dan produk serta penyelidikan pasaran (jika ada);
 - d. penjualan saling, pemasaran dan promosi termasuk mengendalikan tawaran dan analisis kedudukan dalam Anugerah Liga Tahunan RAM;
 - e. menyelenggara komunikasi dan memastikan kepuasan pelanggan, menjawab pertanyaan dan aduan serta menyelesaikan percanggahan secara umum; dan
 - f. menyelenggara maklumat peribadi untuk rujukan semasa dan akan datang (jika ada);
4. Maklumat peribadi anda mungkin didedahkan kepada syarikat-syarikat lain di dalam RAM, pembekal perkhidmatan termasuk agensi-agensi kerajaan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen, pekerja dan / atau orang-orang berkenaan, sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia untuk Tujuan tersebut.
5. Selain daripada itu, maklumat peribadi anda mungkin didedahkan atau dipindahkan ke pihak ketiga yang berkenaan akibat daripada penyusunan semula, penjualan atau pengambilalihan mana-mana syarikat dalam RAM, tertakluk kepada sipenerima hanya mengguna maklumat peribadi untuk Tujuan tersebut.
6. Anda boleh memohon akses kepada maklumat peribadi untuk tujuan pembetulan penghapusan maklumat peribadi anda atau menghadkan pemprosesan (termasuk butir-butir peribadi lain yang diberi oleh anda) pada bila-bila masa. Sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan maklumat peribadi anda boleh disalurkan kepada pegawai RAM dengan mengemukakan permintaan melalui pos, e-mel atau faksimili kepada alamat berikut:

RAM Holdings Berhad

(Untuk Perhatian: Perlindungan Data Peribadi)

Level 8, Mercu 2, KL Eco City

3 Jalan Bangsar

59200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-3385 2488 Fax: 03-3385 2582

Emel: ram_pdpa@ram.com.my

7. Kami percaya bahawa anda memberi keizinan kepada RAM dan bersetuju dengan syarat-syarat berkenaan pemprosesan maklumat peribadi anda. Jika tidak, sila hubungi kami di alamat seperti yang tertera di atas. Yang benar RAM Holdings Berhad Sekiranya terdapat sebarang perbezaan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia di dalam Notis dan Keizinan ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.